

Penduduk rayu bantuan rumah disegerakan

UM 02/02

Oleh FARIK SALLEH

KOTA TINGGI 1 Feb. – Penduduk sekitar kawasan perkampungan yang dilanda bencana banjir di sini baru-baru ini resah menantikan bantuan rumah yang belum lagi ditunaikan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di empat kampung iaitu Kampung Makam, Kampung Tembioh, Kampung Kelantan dan Kampung Panti, mendapati keadaan kawasan mereka amat menyedihkan, lengang dan agak suram.

Kesan gelombang pertama dan kedua banjir yang melanda perkampungan itu meranapkan rumah-rumah di situ menyebabkan mangsa terpaksa mencari alternatif dengan menumpang rumah jiran atau saudara-mara kerana rumah yang mereka diami selama ini hanyut dibawa arus.

Malah ada yang terus meninggalkan rumah mereka yang musnah, dalam keadaan yang sungguh daif dan mengharukan kepada sesiapa sahaja yang melihatnya.

Seorang penduduk di Kampung Tembioh, **Misri Misran**, 54, berkata, beliau sekeluarga terpaksa mendiami rumah mereka walaupun yang tinggal hanya ruang tamu.

"Ini sahalah saki baki rumah kami yang ada. Ke mana lagi harus kami pergi, nak tunggu rumah yang dijanjikan entah bila. Mahu tak mahu terpaksa kami berlindung di sini dan usahakan apa juga secara bersendirian selagi termampu," katanya dengan nada pilu.

Misri yang tinggal bersama tiga menantu dan lima cucu terpaksa menggunakan

kain kanvas sebagai pelindung untuk keluarganya daripada angin dan hujan sementara menantikan bantuan yang dijanjikan.

Mohd. Sofian Ismail, 26, pula berkata, kebanyakan penduduk di sini masih enggan berbuat sesuatu untuk memperbaiki rumah mereka kerana berada dalam keadaan trauma akibat banjir yang berlaku.

Malah, katanya, ada yang hanya berserah dan pasrah menerima keadaan selain bimbang ekoran laporan kemungkinan berlaku banjir gelombang ketiga.

Beliau menambah, tiada apa yang dapat kami lakukan hanya bersiap sedia kalau-kalau berlaku banjir lagi.

Bagaimanapun **Mohd. Sofian** berharap, usaha memindahkan penduduk ke penempatan baru perlu disegerakan kerana kebanyakan rumah yang ditenggelami air tidak selamat diduduki dan hanya menanti masa untuk roboh.

"Kalau tidak pun, berilah kami bantuan bahan binaan dapatlah kami usahakan sendiri kerana kami sudah tidak mampu lagi, dari segi bantuan makanan memang tidak ada masalah, bertalu-talu kami terima," tambahnya.

Menurutnya, sebahagian besar penduduk terdiri daripada orang miskin dan tidak mampu untuk berpindah mahupun membeli rumah baru.

"Inilah sahaja harta kami," katanya yang berkerja sebagai nelayan dan pembantu di pasar dekat sini.

Sementara itu, seorang ibu tunggal, **Kamariah Hussin**, 66, di Kampung Kelantan berkata, beliau lebih gemar duduk di tapak rumah yang telah dihanyutkan arus banjir.



MISRI Misran (kanan) dibantu menantunya, **Mohd Faizal Abdul Jalil** membaiki rumahnya yang roboh akibat banjir di Kampung Tembioh, Kota Tinggi, Johor, semalam.

Walaupun ketika ini beliau tinggal bersama anak lelaki kedua di Kampung Lukut namun ibu kepada tujuh anak ini lebih gemar duduk di tapak rumah yang diduduki

sejak 32 tahun lalu.

"Perasaan lebih tenang apabila berada di sini walaupun yang tinggal hanya tapak rumah," katanya.